

# Suara ePerolehan



## Edisi Khas eP 10 tahun

### Antara Menarik Di Dalam:

- Sekitar sambutan eP 10 Tahun • Pemenang Anugerah Apresiasi eP
- Perubahan Tatacara eBidding • Lawatan Vietnam ke Malaysia & banyak lagi

Ogos | 2011

Untuk Edaran Dalamansahaja

# menyambut

# 10

# tahun

Sedekad Iltizam Dalam Memacu  
Transformasi Perolehan Kerajaan

## Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan) kementerian Kewangan

Selamat bersara  
**YBhg. Dato'  
Zalekha  
binti Hassan**



Selamat bertugas  
**YBhg. Datuk  
Nozirah  
binti Bahari**  
Mulai 21 Mei 2011

# Isi Kandungan

- 1 Majlis Perasmian Seminar 10 Tahun ePerolehan
- 3 Majlis Perasmian Malam Apresiasi 10 Tahun ePerolehan
- 5 Senarai Pemenang Anugerah Malam Apresiasi eP 10 Tahun
- 9 Perubahan Tatacara eBidding Dan SAP Pengecualian Sistem eP Bagi Bayaran Sewaan Bangunan
- 10 Aktiviti Luar Negara
- 13 Jadual Takwim Latihan 2011
- 14 Artikel eP@Desa
- 16 Santai Minda

## SIDANG REDAKSI SUARA ePEROLEHAN

Penasihat Esekutif

Dato' Abd. Shukor Ibrahim

Fotografi

Abd. Rahman Yusof

Penolong Penasihat

Hajah Nor'aini Abdul Razak

Sekretariat Reherbitan

Nurshafina binti Mohd Yusoff

Editor Bersama

Wan Siti Eshah Wan Ahmad  
Hafidz Ahmad Zehnun

Komunikasi Korporat

Mualif Shahrel

Penolong Editor

Muhammad Azlan Zakaria

Lilian Ang

Penulis

Nurshafina binti Mohd Yusoff  
Mualif Shahrel

Direka & dicetak oleh

Graphite Graphics

Kreatif

Hafidz Ahmad Zehnun  
Salinawati Sani  
Muhamad Effendi Abdul Rahman



Unit ePerolehan  
Kementerian Kewangan Malaysia  
[www.uniteperolehan.gov.my](http://www.uniteperolehan.gov.my)



[www.eperolehan.gov.my](http://www.eperolehan.gov.my)

**commercedotcom**  
enabling e-commerce, connecting communities

Pembangunan dan Pengurusan Sistem  
[www.commercedotcom.my](http://www.commercedotcom.my)

Alamat Surat-menyurat :  
Commerce Dot Com Sdn. Bhd.  
Tingkat 4, Wisma AMTEK, Jalan Tandang  
46000 Petaling Jaya, Selangor.

Emel : [editor\\_suaraeP@commercedotcom.my](mailto:editor_suaraeP@commercedotcom.my)  
Tel : 03-7985 7777

2011 CD8. Hak Cipta Terpelihara

# Majlis Perasmian Seminar 10 Tahun ePerolehan

## "ePerolehan: Membudayakan Ketelusan dan Integriti"

Sempena sambutan 10 Tahun ePerolehan, satu seminar khas untuk pembekal dan Agensi Kerajaan telah diadakan pada 17 Januari 2011 di Hotel Palm Garden, Putrajaya yang dirasmikan oleh YB Senator Dato' Dr. Awang Adek Bin Hussin, Timbalan Menteri Kewangan II. Turut hadir sewaktu majlis perasmian adalah YBhg. Dato' Abd. Shukor Bin Ibrahim, Pengarah Projek ePerolehan, dan Tuan Syed Azmin Bin Syed Nor, Pengerusi Eksekutif Commerce Dot Com Sdn. Bhd. (CDCSB).



Seminar sehari yang bertemakan "ePerolehan: Membudayakan Ketelusan dan Integriti" ini membuka ruang kepada semua peserta mengenai isu dan cabaran serta memahami pelaksanaan sistem ePerolehan dan strategi Kerajaan dalam memacu perkhidmatan awam bertaraf global. Seramai 350 peserta yang terdiri daripada 200 pegawai dari Agensi Kerajaan dan 150 pembekal menghadiri seminar anjuran bersama Unit ePerolehan, Kementerian Kewangan dan CDCSB.





Antara pembentang kertas kerja dalam seminar tersebut ialah wakil daripada Kementerian Kewangan, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Kementerian Pertahanan dan syarikat pembekal. Kertas kerja yang dibentangkan mencakupi aspek tahap keselamatan dan integriti transaksi yang dibuat melalui sistem ePerolehan dan memastikan keberkesanan serta ketelusan perolehan Kerajaan.



### Fakta nombor:

Mulai tahun 2000 sehingga sehingga Jun 2011:

- 2,539 (99.1%) daripada 2,563 PTJ eP enable
- 73,324 (67.8%) daripada 108,129 pembekal eP enable
- 3.3 juta bilangan transaksi melalui eP
- RM36.3 bilion nilai transaksi melalui eP

# Majlis Perasmian Malam Apresiasi 10 Tahun ePerolehan

"ePerolehan: Membudayakan Ketelusan dan Integriti"



Sempena meraikan 10 tahun pelaksanaan ePerolehan di dalam perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan dan CDCSB telah bersama-sama menganjurkan Malam Apresiasi 10 Tahun ePerolehan. Bertemakan "ePerolehan: Membudayakan Ketelusan dan Integriti", majlis dirasmikan oleh Menteri Kewangan II, YB Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah di Hotel Marriott Putrajaya. Majlis tersebut telah dihadiri oleh Ketua-ketua Setiausaha Kementerian dan pegawai-pegawai daripada pelbagai kementerian dan Agensi Kerajaan.

Majlis diadakan adalah untuk menghargai penglibatan dan sokongan yang telah diberikan oleh Kementerian/PTJ terhadap penggunaan sistem ePerolehan sepanjang 10 tahun lalu. Terdapat 12 anugerah dan sijil penghargaan telah disediakan untuk menggalakkan Kementerian/PTJ meningkatkan lagi penggunaan sistem ePerolehan di dalam perolehan Kerajaan.





Di samping itu, YB Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah juga telah melancarkan buku ePerolehan 10 tahun yang bertajuk "A Decade of Dedication in Driving Government Procurement Transformation". Buku ini dikeluarkan bertujuan untuk memberi penerangan mengenai peranan sistem ePerolehan sebagai salah satu inisiatif kepada aplikasi perdana Kerajaan Elektronik di bawah Koridor Raya Multimedia (MSC).

Buku tersebut menunjukkan evolusi pelaksanaan sistem ePerolehan sepanjang 10 tahun menerusi data-data utama yang dapat dijadikan sebagai kerangka asas kepada hala tuju transformasi perolehan Kerajaan di masa hadapan. Buku ini boleh menjadi bahan rujukan rasmi berkaitan pelaksanaan sistem ePerolehan dan dimanfaatkan oleh pengguna Kerajaan dan pembekal termasuk negara-negara luar yang ingin mengetahui kejayaan pelaksanaan sistem ePerolehan di Malaysia.

Majlis ini adalah simbolik kepada pencapaian dan aspirasi Kerajaan Malaysia untuk mentransformasikan perolehan Kerajaan daripada kaedah manual kepada perolehan secara elektronik yang lebih berdaya saing. ePerolehan telah memperkenalkan pelbagai produk dan modul yang memenuhi keperluan Kerajaan Malaysia dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan Kerajaan terutamanya dalam urusan perolehan yang lebih cepat, efisyen, telus serta penjimatan kos dan masa kepada pihak kerajaan dan pembekal.



# Senarai Pemenang Anugerah Malam Apresiasi eP 10 Tahun

## Anugerah Diterima Oleh Sistem eP

- **Anugerah MAMPU:**  
“eP Perintis Pembangunan Sistem Berasaskan Perisian Sumber Terbuka (Open Source) Berskala Enterprise”  
i. Unit ePerolehan, Kementerian Kewangan
- **Anugerah MDeC:**  
Anugerah MSC Malaysia Laman Web Terbaik bagi Transaksi ePerolehan  
i. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)  
ii. Jabatan Kerajaan Tempatan, KPKT  
iii. Jabatan Perkhidmatan Awam
- **Anugerah MDeC:**  
Anugerah Apresiasi MSC Malaysia bagi Perkhidmatan Kerajaan ke Perniagaan (G2B) - ePerolehan
- **i.Kementerian Kewangan Malaysia**
- **Anugerah Sumbangan DPMM:**  
ePerolehan Menjana Transformasi Keusahawanan Dalam eDagang  
i.Sistem ePerolehan
- **Anugerah Sumbangan PIKOM**  
ePerolehan Permangkin Pembangunan Industri Teknologi Maklumat Negara  
i.Sistem ePerolehan
- **Anugerah MAMPU:**  
“eP Perintis Pembangunan Sistem Berasaskan Perisian Sumber Terbuka (Open Source) Berskala Enterprise”  
i. Unit ePerolehan, Kementerian Kewangan

## Anugerah Apresiasi eP 10 Tahun



## Anugerah Apresiasi eP 10 Tahun



Kementerian Pelancongan



Kementerian Luar Negeri



Kementerian Perdagangan  
Antarabangsa dan Industri



Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air



Kementerian Perusahaan  
Pertuduhan dan Komoditi

## Anugerah Harapan eP



Kementerian Penerangan,  
Komunikasi & Kebudayaan



Kementerian Sumber Manusia



Kementerian Pembangunan Wanita,  
Keluarga dan Masyarakat

## Anugerah Transaksi eP Online



Kementerian Pengangkutan



Kementerian Kerja Raya



Kementerian Wilayah Persekutuan  
& Kesejahteraan Bandar

## Anugerah Penggunaan eP



Kementerian Pelajaran Malaysia



Kementerian Pertanian dan  
Industri Asas Tanah



Kementerian Pengajian Tinggi

## Anugerah Pelaksanaan eP



Kementerian Pertahanan



Jabatan Perdana Menteri



Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan

## Anugerah Khas ePSC



Kementerian Kewangan



Kementerian Dalam Negeri

## Anugerah Perdana eP



Kementerian Kesihatan

# Perubahan-perubahan kepada tatacara eBidding melalui sistem eP

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2009 Mengenai Tatacara Pengurusan Perolehan Kerajaan Secara ebidding Melalui Sistem eP telah menetapkan bahawa nilai perolehan eBidding hendaklah melebihi RM200,000. Kementerian Kewangan telah memutuskan had nilai perolehan Kerajaan secara eBidding diubah kepada melebihi RM50,000. Surat perubahan-perubahan kepada tatacara eBidding melalui sistem eP telah dikeluarkan pada 4 April 2011 dan ringkasan perubahan tersebut adalah seperti berikut:

1. Tanggungjawab Jawatankuasa Sebut Harga/Lembaga Perolehan adalah berdasarkan kepada anggaran harga Jabatan;
2. Perbezaan notis pelawaan eBidding jika memerlukan taklimat/lawatan tapak dan sebaliknya;
3. Nilai penurunan minimum bidaan atas talian diubah mengikut anggaran harga Jabatan;
4. Fungsi semakan bilangan pembekal diperkenalkan supaya Agensi boleh mengenal pasti bilangan pembekal berdasarkan kepada kriteria kelayakan pembekal;
5. Penilaian pra kelayakan hanya boleh dilaksanakan sekiranya tawaran permulaan adalah daripada sekurang-kurangnya 5 pembekal;
6. Bidaan atas talian hanya boleh dilaksanakan jika terdapat sekurang-kurangnya 3 pembekal yang mengesahkan jemputan.

*Nota: Untuk penjelasan lanjut, sila rujuk surat edaran bertarikh 4 April 2011 yang boleh dicapai melalui portal [www.eperolehan.gov.my](http://www.eperolehan.gov.my)*

**Fakta Nombor**  
**Nilai perolehan baru eBidding**  
**Adalah melebih RM50,000**

## SAP Pengecualian Penggunaan Sistem eP Bagi Bayaran Sewaan Bangunan

Kementerian Kewangan telah mengeluarkan Surat Arahan Perbendaharaan (SAP) bertarikh 21 April 2011 mengenai Pengecualian Penggunaan Sistem ePerolehan (eP) Bagi Bayaran Sewaan Bangunan. SAP ini bertujuan untuk memaklumkan bahawa bayaran sewaan bangunan dikecualikan daripada menggunakan sistem eP kerana urusan sewaan bangunan tidak dibuat melalui sistem eP dan penetapan kadar sewaan bangunan adalah tetap dan tertakluk kepada penilaian oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.

# Aktiviti Luar Negara

## Lawatan ke Norway



Delegasi eP dan wakil Agensi Pengurusan Awam dan e-Kerajaan Norway atau DIFI. Sistem ePerolehan sering dijadikan rujukan kepada Inisiatif e-Kerajaan negara luar.



Delegasi eP dan DIFI Norway sewaktu perbincangan dua hala berkaitan persamaan sistem perolehan elektronik kedua-dua negara.



Tunggak utama sistem ePerolehan Malaysia dan DIFI, Norway.

## Lawatan ke Scotland



Delegasi eP bergambar di luar Bangunan Kerajaan negeri Scotland.



Bersama wakil Perolehan Awam atau eProcurement Scotland



Lawatan ke Scotland 2010.

## Lawatan Vietnam ke Malaysia



Kementerian Kewangan telah menerima kunjungan rombongan delegasi kerajaan Vietnam sempena Vietnam eProcurement Study Visit 2011 pada 22-26 Mei yang lalu. Tujuan lawatan diadakan ialah untuk berkongsi maklumat mengenai sistem perolehan elektronik yang digunakan oleh kedua-dua negara. Lawatan telah diwakili oleh 5 orang pegawai kanan kerajaan dari pejabat perolehan Kementerian Perancangan Pelaburan Vietnam.

Sepanjang lawatan tersebut, delegasi Vietnam telah menghadiri perbincangan bersama wakil dari Kementerian Kewangan, Unit ePerolehan, Commerce Dot Com dan MDeC. Disamping itu, mereka turut melawat bangunan Per-bendaharaan Malaysia, Putrajaya dan lain-lain destinasi menarik sekitar Kuala Lumpur. ePerolehan telah mendapat pelbagai pujian dari negara luar terutamanya di kalangan negara rantau Asia Tenggara dan dilihat sebagai peneraju semenjak pengenalan di bawah Kerajaan Elektronik 10 tahun yang lalu.



# Jadual Takwim Latihan 2011

## Aktiviti bersama pembekal

ePerolehan - Kementerian kewangan giat mengadakan aktiviti untuk mendidik pembekal mengenai cara penggunaan terbaik atau (best practices) dari semasa ke semasa. Melalui kaedah latihan berasaskan komputer atau Computer Based Training (CBT), Unit ePerolehan dan Commerce Dot Com telah mengunjungi beberapa destinasi seluruh negara sebagai satu langkah untuk memastikan pembekal sentiasa mendapat maklumat yang terkini mengenai modul eP dan produk tambah nilai lain.

Tarikh Aktiviti	Nama aktiviti	Tempat	Penganjur
<b>24/2/2011</b>	Program Taklimat sistem ePerolehan Kepada Pembekal Peringkat Negeri Sabah	Aras 1, Blok A, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah	PMS Pegawai Kewangan Persekutuan Sabah
<b>10/3/2011</b>	Transformasi Pembekal Ke Arah ePerolehan Kerajaan Elektronik	Pusat Latihan Pengajaran dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) Jabatan Pembangunan Kemahiran Kementerian Sumber Mamosia Jalan Patani 19/1, Peti Surat 7012, Seksyen 19, 40900 Shah Alam.	CIAST Ketua Pengarah CIAST
<b>31/3/2011</b>	Taklimat Pembekal offline KKJW	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKJW) Institut Kemajuan Desa, Bangi.	KKJW SUB Kementerian, Ahmad Zahidi
<b>1/4/2011</b>	Taklimat ePerolehan	Jabatan Pembangunan Wanita Negeri Selangor, Dewan Nur, Seksyen 16 Shah Alam.	Jabatan Pembangunan Wanita Negeri Selangor
<b>7/4/2011</b>	Lelihan modul Pendaftaran Pembekal & eCat	Jabatan Pembangunan Wanita Negeri Selangor, Plaza Peransang, Shah Alam.	Jabatan Pembangunan Wanita Negeri Selangor
<b>8/4/2011</b>	Program Taklimat Mengenai sistem ePerolehan Kepada Pembekal Peringkat Negeri Sarawak	Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak, Tingkat 17, Bangunan Sultan Iskandar, Jalan Simpang Tiga, 93052, Kuching, Sarawak	PMS Timbalan Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak

### Pengenalan

Kementerian Kewangan dengan kerjasama Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah menyediakan perkhidmatan ePerolehan di beberapa Pusat Internet Desa (PID) dan Medan Infodesa (MID) melalui program dikenali sebagai eP@Desa. Program eP@Desa membolehkan para usahawan di kawasan luar bandar menggunakan perkhidmatan ePerolehan di PID dan MID terpilih untuk berurusniaga dengan Kerajaan Persekutuan. Perluasan perkhidmatan ePerolehan ini adalah selaras dengan fungsi PID dan MID untuk merapatkan jurang digital antara penduduk di kawasan bandar dan luar bandar.

### Objektif

- ★ Memberi peluang dan menggalakkan usahawan PKS setempat berdaftar dan menjadi komuniti ePerolehan.
- ★ Memberi pendedahan dan latihan asas berkenaan sistem ePerolehan kepada usahawan luar bandar.
- ★ Menjadi pusat permohonan produk dan perkhidmatan berkaitan ePerolehan.

### Faedah bagi pembekal

- ★ Mendapat kemudahan untuk menggunakan sistem ePerolehan di kawasan luar bandar.
- ★ Mendapat bimbingan yang betul dari pegawai terlatih.
- ★ Mengurangkan kos dan menjimatkan masa operasi.

### Perkhidmatan ePerolehan di PID dan MID

- ★ Perkhidmatan perundingan berkaitan penggunaan sistem ePerolehan.
- ★ Kemudahan infrastruktur yang membolehkan usahawan menggunakan sistem ePerolehan secara dalam talian bagi perkhidmatan berikut:
  - ★ Permohonan pendaftaran syarikat dengan Kementerian Kewangan
  - ★ Berurusniaga dengan agensi Kerajaan Persekutuan
  - ★ Permohonan produk-produk ePerolehan



Pusat Internet Desa (PID)



Medan Infodesa (MID)



Kemudahan yang disediakan di PID / MID

# eP@Desa

## Perkhidmatan ePerolehan Berhampiran Komuniti Anda



Lokasi eP@DESA di  
PID & MID Terpilih

- 
- MID Kg. Kok Klang, 02500 Chuping, Perlis. Tel: 04-9864803
  - PID Balik Pulau, D/A Pejabat Pos Balik Pulau, 11000 Balik Pulau, Pulau Pinang. Tel: 04-8862706
  - PID Kuala Kurau, D/A Pejabat Pos Kuala Kurau, JKR 982, Jln Pantai, 34350 Kuala Kurau, Perak. Tel: 05-7276516
  - MID Kg. Sg. Hj Muhammed, Rungkup Hilir Perak, 36200 Selekok, Perak. Tel: 05-6486284
  - MID Kg. Bukit Kaper, Jalan Iskandar, Kg. Bukit Kaper, 42200 Klang, Selangor. Tel: 03-3921490
  - PID Tg. Sepat, D/A Pejabat Pos Tg. Sepat, 42800 Kuala Langat, Selangor. Tel: 03-31975354
  - PID Tg. Kling, D/A Pejabat Pos Tg. Kling, 76410 Molaka. Tel: 06-3513892
  - PID Bukit Kayu Hitam, JKR 351 Pos Malaysia, 06050 Bukit Kayu Hitam, Kedah. Tel: 04-9222003
  - PID Kupang, D/A Pejabat Pos Kupang, 69100 Baling, Kedah. Tel: 04-4761688
  - MID Kg. Renok Baru, Pejabat RKT KESEDAR Renok Baru, 18300 Gua Musang, Kelantan. Tel: 017-9174039
  - PID Marang, D/A Pejabat Pos Marang, 21600 Marang, Terengganu. Tel: 09-6183261
  - MID Kg. Kuala Mai, Kuala Krau, 28050 Temerloh, Pahang. Tel: 017-2116110
  - PID Pagoh, D/A Pejabat Pos Jalan Besar, 84600 Pagoh, Johor. Tel: 06-9747177
  - PID Bandar Penawar, D/A Pejabat Pos Bandar Penawar, JKR 670, Jln Dato' Hj Hasan Yunus, 81930 Bandar Penawar, Johor. Tel: 07-8227139

# Santai Minda

**Sudoku #1**

2	5		7		6
4		9	6		2
		8		4	5
9	8		7	4	
5	7	8	2	6	9
		6	3	5	7
7	5		2		
6		5	1		2
3		4		5	8

**Sudoku #2**

6			5	7	2
	4		9	6	1
8	7	1	3	2	
5			7	1	3
	3		5		7
	7	8	2		5
		5	9	6	8
8		2	6	1	
7	6	4			2

Isikan petak kosong supaya setiap baris, kolumn dan petak 3-kali-3 dipenuhi dengan nombor 1 hingga 9. Jika anda menggunakan logik, anda mampu selesaikannya tanpa perlu banyak berfikir. Perlukan bantuan? Jawapan ada pada bahagian bawah mukasurat ini.

**Bolehkah anda mencari 12 perbezaan di antara kedua-dua gambar ini?**



Jawapan: 1. Rumput berlatar jauh. 2. Tengah bas. 3. Tingkap berlatar jauh. 4. Label di papar selalu. 5. Label di latar jauh. 6. Lampu bas. 7. Ekor bas. 8. Tingkap berlatar jauh. 9. Coklat pada munzing papar selalu. 10. Pada. 11. Belahan makaran. 12. Tandas bas.


## Jawapan Sudoku

2	1	6	4	3	8	5	2	9
9	6	5	2	6	7	1	3	4
4	2	3	6	1	5	3	8	7
1	9	7	4	2	3	4	6	5
6	5	8	9	6	4	2	7	1
5	4	2	6	7	1	3	9	8
4	6	5	7	4	2	3	1	9
3	6	9	1	4	2	9	5	6
2	5	4	7	0	8	6	3	0

Sudoku #1

3	2	1	4	9	6	5	7	8
8	6	4	7	5	1	3	9	2
7	5	9	3	2	8	6	1	4
1	4	2	6	9	8	5	3	7
5	7	3	6	1	2	4	5	9
9	6	5	7	4	3	2	8	1
6	9	7	2	6	3	1	4	5
4	1	8	9	6	5	3	7	2
2	3	6	8	7	9	4	1	0

Sudoku #2



# ePerolehan

## I Like



Tel: 603 - 7985 7777

[www.eperolehan.gov.my](http://www.eperolehan.gov.my) | [www.commercedc.com.my](http://www.commercedc.com.my)



# ePerolehan 10 TAHUN

SEDEKAD DALAM  
MENTRANSFORMASIKAN  
PEROLEHAN KERAJAAN



## MENYUMBANG KE ARAH KEMAKMURAN RAKYAT DAN NEGARA

### **Melangkah Lebih Jauh Demi Kemakmuran Negara**

Menjelang wawasan 2020, kami berikrar untuk mentransformasi negara untuk lebih membangun dan ke arah menjadi negara berpendapatan tinggi dan mempunyai ekonomi yang lebih kukuh. ePerolehan berperanan di dalam menyumbang ke arah mencapai objektif ini sepanjang 10 tahun pengenalannya di dalam jentera Kerajaan.

Melalui penyelarasannya di dalam Kementerian Kewangan, ePerolehan telah berjaya menyediakan persekitaran perolehan yang lebih telus, efisyen dan menjimatkan kos kepada Kerajaan dan pembekal Kerajaan.

### **ePerolehan – rangkaian yang berjaya**